

SunCon capai 67% buku tempahan

KUALA LUMPUR 16 Mei - Sunway Construction Group Berhad (SunCon) mencapai 67 peratus sasaran buku tempahan sebanyak RM1.5 bilion pada suku pertama tahun kewangan 2019.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Chung Soo Kiong berkata, ini menjadikan jumlah buku tempahan kepada RM5.7 bilion seterusnya memberi gambaran pendapatan yang baik bagi kumpulan untuk dua tahun akan datang.

Katanya, daripada RM1 billion projek baharu yang diperoleh, sebanyak 10 peratus adalah daripada syarikat induk, Sunway Berhad.

"Pada masa hadapan, kami yakin akan mengekalkan prestasi sepanjang tahun dan menuhi sasaran bagi mengisi semula buku tempahan melalui strategi pengembangan ASEAN.

"Ia juga akan disokong dengan prospek yang baik susulan rancangan Sunway untuk mengembangkan segmen penjagaan kesihatan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Soo Kiong berkata, SunCon menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan CDL Group pada April di Myanmar, bagi membida tiga projek kereta api dan jalan raya di India dan mencebur



SUNCON, CHUNG SOO KIONG

industri cerucuk di Singapura.

"Dengan prospek ini, kami berusaha untuk mengurangkan kesan daripada industri tempatan dalam tempoh kajian semasa," katanya.

Bagi suku pertama 2019 berakhir 31 Mac 2019, SunCon merekodkan perolehan sebanyak RM440.0 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM40.1 juta sementara perolehan SunCon RM529.2 juta.

Segmen pembinaan merekodkan perolehan sebanyak RM407 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM40 juta.

Perolehan lebih rendah pada suku semasa disebabkan oleh Parcel F, Putrajaya yang telah disiapkan.